

CNS2800

R GB 23-10 00182 BA685

bah

TUKAR KERAJAAN UNTUK TINGKATKAN BANTUAN PUSAT: I'M

Mahathir - Kerajaan

MACHANG, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertukaran kuasa pemerintahan Negeri Kelantan daripada PAS kepada Barisan Nasional (BN) merupakan jalan penyelesaian memast'ikan rakyat negeri ini menerima bantuan Kerajaan Pusat dengan lebih kemas.

Perdana Menteri berkata, jika diadakan pilihan raya akan datang, rakyat negeri ini perlu memilih kerajaan yang sehaluan dengan Kerajaan Pusat bagi memastikan bantuan disalurkan dengan lebih kemas lagi.

Beliau menegaskan, segala bantuan yang dihulurkan Kerajaan Pusat ke Kelantan sekarang bukan untuk Kerajaan Negeri tetapi untuk rakyat dan bantuan yang diberikan itu tidak boleh dijadikan isu politik.

Kerajaan Pusat sentiasa bersikap adil dan mahu melihat rakyat Kelantan yang tidak bersalah menerima layanan sama seperti rakyat negeri-negeri lain di negara ini, katanya ketika bercakap pada persidangan akhbar selepas merasmikan Konvensyen UMNO Kelantan, di sini hari ini,

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mahu Kerajaan Negeri memesongkan pemikiran rakyat mengenai soal bantuan kewangan Kerajaan Pusat itu dengan mendakwa kononnya tanpa memilih BN, peruntukan tetap diterima.-- Lagi.

▼23/10/17-04MST

R GB 23-10 00162 BA686

bah

Mahathir - Kerajaan 2 Machang

Beliau menambah kata, rakyat Kelantan perlu mengukuhkan semula perpaduan mereka dan menginsafi bahawa segala kemudahan yang didapati mereka selama ini hasil daripada perjuangan UMNO.

Tema konvensyen UMNO 'Bersatu Menyelamatkan Kelantan' perlu dijadikan iktibar oleh segenap lapisan rakyat untuk mengukuhkan perpaduan mereka dan UMNO sendiri perlu terus menjelaskan perjuangannya ke arah perpaduan kerana ada pihak lain berjuang memecahbelahkan rakyat.

Ketika ditanya bagaimana perpaduan dapat menjamin sumbangan Kerajaan Pusat jika Kerajaan Negeri masih tidak sehaluan, beliau menjawab: 'Untuk memudahkan penyaluran bantuan kena ganti kerajaanlah'.

Beliau berkata, UMNO juga mempunyai badan sendiri untuk memastikan peruntukan Kerajaan Pusat tidak digunakan untuk tujuan politik oleh Kerajaan Kelantan dengan membahagi-bahagikannya kepada penyokong mereka.

Dr Mahathir - yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan berkata, walaupun perpaduan di kalangan para pemimpin dan anggota UMNO negeri lebih utuh, belum tiba masanya beliau melepaskan jawatan itu kepada Timbalan Pengerusinya Senator Annuar Musa.-- Lagi.

▼23/10/17-12MST

bah

Mahathir - Kera jaan 3 (Akhir) Machang

Menurutnya, beliau perlu terus mengekalkan jawatan itu kerana ikatan Kerajaan Negeri dan Pusat tidak kuat dan keadaan ini kelak akan tambah menyulitkan penghuluan bantuan daripada Kerajaan Pusat.

Ketika ditanya mengenai dakwaan PAS kononnya tindakan beliau dan kerajaan pusat tidak Islam, Dr Mahathir berkata mereka yang sering melaung-laungkan kononnya mereka lebih Islam bertindak demikian untuk berselindung daripada hakikat sebenar dan menggunakan Islam untuk kepentingan politik.

+Kita tidak payah naik menara dan melaungkan kita hendak sembahyang,+ kata Perdana Menteri sambil menambah, dunia Islam sendiri menerima hakikat bahawa Malaysia adalah contoh negara Islam terbaik.

Beliau turut ditanya mengenai kejayaan Proton Iswara (atau dikenali sebagai Proton Catalyst di Britain) memenangi hadiah pingat emas dalam Pameran Kereta Britain di London, dua minggu selepas kereta itu dilancarkan di pasaran negara itu.

+Kemenangan itu menjadi pengiktirafan bahawa kita mampu mengeluarkan kereta oleh rakyat Malaysia, sendiri dan mutunya setanding, bahkan lebih baik daripada kereta-kereta buatan lain,+ katanya. -- Bernama.

▼23/10/17-14MST